

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah statistik kes-kes wabak Denggi yang telah berlaku di Malaysia di antara tahun 2013 hingga 2016. Sila nyatakan secara terperinci mengikut susunan negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi kejadian kes Denggi, terdapat peningkatan dari tahun 2013 sehingga tahun 2015 iaitu sebanyak 43,346 kes (tahun 2013), 108,698 kes (tahun 2014) dan 120,836 kes (tahun 2015). Manakala pada tahun 2016 terdapat 101,357 kes telah dilaporkan. Jumlah kes Denggi pada tahun 2016 telah menunjukkan penurunan sebanyak 16.1% berbanding pada tahun 2015.